

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
(PENDANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.10.2014

Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah Rumah Mesra Rakyat yang telah diluluskan bagi tahun 2012 dan 2013 di Negeri Kedah mengikut Daerah. Apakah halangan-halangan yang boleh menyebabkan kelambatan pembinaan rumah-rumah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, SPNB merupakan syarikat

Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan untuk menyediakan Rumah Mesra Rakyat (RMR) bagi membantu golongan berpendapatan rendah seperti nelayan, petani dan keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang (daif), tetapi mempunyai tanah untuk mendirikan rumah sendiri yang sempurna dan selesa.

Program RMR dibiayai melalui subsidi oleh Kerajaan, iaitu pada kadar RM15,000 hingga RM20,000 seunit dan ditawarkan dengan rekabentuk menarik berkonsepkan rumah berkeluasan 700 kaki persegi hingga 1,000 kaki persegi dengan komposisi 2 bilik tidur dan 2 bilik air dan 3 bilik tidur dan 2 bilik air.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 2,085 permohonan telah diluluskan pada tahun 2012 dan tahun 2013 di Negeri Kedah dan daripada jumlah tersebut sebanyak 1,850 telah berjaya disiapkan dan 235 masih dalam pembinaan. Berikut adalah statistik permohonan yang diluluskan mengikut pecahan daerah/parlimen:

PARI. IMEN	PERMOHONAN DILULUSKAN (TAHUN 2012 - 2013)	DALAM PROSES PEMBINAAN	RMR SIAP
ALOR SETAR	15	1	14
BALING	438	35	403
JERAI	66	5	61
JERLUN	227	62	165
K. KEDAH	24	1	23
K. PASU	190	24	166
KULIM B. BHARU	60	6	54
LANGKAWI	198	8	190
MERBOK	91	14	77
P. SERAI	36	0	36
P. TERAP	312	5	307
PENDANG	116	29	87
POKOK SENA	100	25	75
SIK	158	17	141
SG. PETANI	54	3	51
JUMLAH	2,085	235	1,850

Di dalam melaksanakan program RMR ini, terdapat beberapa perkara yang menjejaskan kelancaran program seperti berikut:

- i. Pertukaran dasar pembiayaan RMR;
- ii. Lokasi tapak pemohon yang bertaburan di seluruh Negara dan kadangkala agak terpencil. Selain itu, terdapat juga masalah jalan masuk ke tapak yang menjejaskan pembinaan terutamanya proses penghantaran bahan binaan;

- iii. Keadaan tapak pemohon yang masih belum disediakan untuk pembinaan;
- iv. Terdapat juga masalah prestasi dan komitmen kontraktor yang dilantik;
dan
- v. Keadaan cuaca yang tidak menentu kadangkala menjejaskan proses pembinaan

Walaupun bagaimanapun, kami sentiasa memantau kerja-kerja pembinaan setiap unit RMR dari semasa ke semasa agar tempoh sebenar penyiapan dapat dilaksanakan dalam tempoh 18 bulan dari tarikh penyerahan tapak kosong seperti yang dinyatakan di dalam dokumen perjanjian di antara pihak SPNB dan pemohon.